

Dr M setuju

cara Musa

5 APR 1988

Oleh HAMBALI A. LATIFF

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyokong penuh tindakan Datuk Musa Hitam menghadapi perkembangan-perkembangan politik di Sabah selepas pilihanraya negeri baru-baru ini.

"Beliau ialah Pemangku Perdana Menteri dan saya menyokong tindakannya mengenai perkara itu," kata Perdana Menteri sekembalinya dari lawatan rasmi ke beberapa negara Eropah petang ini.

Datuk Musa mengambil sikap tidak masuk campur dalam perebutan kuasa selepas pilihanraya negeri, terutama percubaan Tun Datuk Mustapha Datu Harun menubuhkan kerajaan campuran.

Kata Datuk Musa, Kerajaan Pusat menghormati keputusan suara terbanyak rakyat Sabah memilih wakil-wakil mereka.

Ditanya mengenai gesaan Parti Bersatu Sabah (PBS) supaya Barisan Nasional memecat Berjaya, Perdana Menteri berkata, beliau ingin mendengar lebih lanjut pendapat Ketua Menteri Sabah yang bar.

Datuk Joseph Pairin Kitingan, mengenai perkara itu. "Saya akan jumpa Ketua Menteri Sabah jika ingin berjumpa saya dan saya juga akan berjumpa bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, di sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Beliau yang juga Presiden Barisan Nasional berkata, Barisan Nasional akan membincangkan permohonan PBS memasuki Barisan Nasional dan meluluskan, beliau tidak tahu apa-apa mengenai gesaan supaya Berjaya dipecat.

"Kita perlu mengetahui tindakan Berjaya. Saya akan mengkajinya secara lebih mendalam apabila berjumpa Datuk Harris nanti," kata beliau.

Tambahnya, "Saya tidak tahu mengenai ada pakatan antara Usno dan Berjaya."

Perdana Menteri menasihatkan PBS supaya menjadi kerajaan yang cekap dan adil.

Mengenai tuntutan penyalaraan gaji oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh berjanji

memenuhinya selagi ia tidak tahu apa yang mampu diberi.

Beliau, bagaimanapun, memberi jaminan satu kertas kabinet akan tetap disediakan bagi mengukur secara terperinci tuntutan itu.

"Saya percaya Cuepacs dan para pemimpinnya adalah bertanggungjawab dan tahu menjaga kebajikan negara," tegasnya mengulas berita bahawa Cuepacs akan berpiket pada bila-bila masa selepas 15 Mei jika kerajaan tidak menjabat tuntutan mengenai skim perkhidmatan pekerja-pekerja artisan.